

BAB : KEDUA.

BAB : KEDUA.

LANDASAN TEORI.

2.1. SEJARAH PENUBUHAN YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YPEIM).

2.1.1. SEJARAH AWAL PENUBUHANNYA.

Yayasan pembangunan ekonomi Islam atau nama singkatnya YPEIM adalah sebuah yayasan yang telah ditubuhkan pada 13hb. Oktober 1976 bersamaan dengan 19 Syawal 1396 Hijrah, oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu Y.A.B Dato' Hussein bin Dato' Onn. Ianya telah didaftarkan dibawah " Trustee Incorporatian Act 1952 " sebagai sebuah badan bebas dan mempunyai pemegang amanahnya sendiri yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Pada awalnya, penubuhan YPEIM adalah atas inisiatif dari seruan Umat Islam yang mahukan sebuah yayasan seperti ini ditubuhkan untuk mengatasi masalah dan keadaan umat Islam dimasa akan datang. Dimana dalam kongres Ekonomi Islam kedua yang berlangsung di Kolej Islam Kelang pada 7hb. hingga 9hb. April 1972, telah dibentangkan sebanyak enam kertas kerja yang membincangkan tentang keadaan

ekonomi umat Islam di Malaysia, hasil dari kongres tersebut telah tercipta satu resolusi yang antara lainnya menyebut "

" Bahawa kerajaan hendaklah dengan kuat kuasa undang-undang menubuhkan satu tabung kewangan yang dinamakan tabung kewangan dan punca wangnya adalah dari wang caruman pekerja-pekerja Islam yang berpendapatan tetap. " ¹

Rumusan dari kongres tersebut kerajaan telah menubuhkan sebuah badan kewangan bagi membantu umat Islam yang dikenali sebagai Tabung Ekonomi Islam. Tidak lama kemudian ia dikenali pula sebagai Tabung Ekonomi Islam Malaysia yang diletakkan dibawah Kementerian Negara dan Luar Bandar, sehinggalah ia diambil alih oleh Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.

Kerajaan kemudianya telah membuat satu kutipan derma dari masyarakat Islam dibawah kelolaan Tabung Ekonomi Islam Malaysia dengan kerjasama Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Namun begitu kutipan yang diperolehi agak rendah disebabkan oleh beberapa sebab dan masalah seperti penyelaras, perancangan dan pentadbiran yang tidak seragam.

1. Nik Muhammad Mahyudin bin Musa, "Penubuhan Perbadanan kewangan Muslim", dalam kongres Ekonomi Islam kedua di Kolej Islam Kelang, Selangor, pada 7 - 9 April, 1972.

Setelah tertubuhnya YPEIM pada 1976, sebagai sebuah yayasan yang sah telah membuat permohonan kepada Peguam Negara bagi memperbadankan pemegang-pemegang amanah untuk mendaftarkan sebuah syarikat investment dibawah " Trustee Incorporation Ordinan 1952," pada 5hb. November 1976. Pemegang-pemegang amanah telah menandatangani permohonan tersebut yang telah diluluskan dengan pengeluaran " Certificate of Incorporation " oleh Peguam Negara. Antara mereka yang dipertanggungjawab untuk memegang amanah ini ialah terdiri daripada :-

1. Y.B Dato' Seri Kamaruddin bin Hj. Mohd Isa, sebagai yang dipertua.
2. Y.B Datuk Arshad bin. Ayub, sebagai Timbalan yang dipertua.
3. Y.A.M Tengku Seri Indera Raja, sebagai ahli.
4. Y.B Seri Abdul Aziz bin Zain, sebagai ahli.
5. Y.B datuk Haji Ahmad Hashim bin Mat Piah, sebagai ahli.
6. Encik Shamsuddin bin Shahabuddin, sebagai ahli.(lihat lampiran)

Mereka ini telah dilantik oleh Y.A.B Dato' Hussein Onn yang mempunyai kuasa melantik dan memecat seseorang pemegang amanah.

2.1.2. SEJARAH PENUBUHAN SEMULA YPEIM.

Diawal penubuhannya sejak 1976, perkembangannya tidaklah begitu menggalakkan malah kewujudannya tidak begitu menonjol. Pada masa itu badan perunding Islam sedang membuat kajian tentang penubuhan sebuah Tabung Kumpulan Wang Amal Jariah (KWAJ), yang mengsyorkan supaya fungsi dan tugas KWAJ diserahkan kepada YPEIM memandangkan ianya sama disegi matlamat penubuhannya. Badan perunding itu yang dipengerusikan oleh En. Anwar Ibrahim pada mulanya telah membincangkan satu kertas kerja yang dibentangkan oleh setiausaha yang bertajuk "Kumpulan Wang Amal Jariah" dalammusyuaratnya yang keempat pada 30hb. Julai 1983. KWAJ merupakan satu cara kutipan wang dari umat Islam secara sukarela untuk kepentingan umat Islam sendiri. Satu jawatankuasa pertugas telah dibentuk bagi meneliti dengan lebih mendalam mengenai cadangan potongan gaji secara sukarela dikalangan kakitangan awam. Beberapa orang telah dilantik sebagai jawatankuasanya. (Lihat Lampiran)

Ahli jawatankuasa pertugas tersebut telah mendapati konsep KWAJ hampir sama dengan matlamat penubuhan YPEIM. Mereka telah mencadangkan supaya iaanya diserahkan kepada YPEIM supaya dapat mempercepatkan kewujudannya dan dapat mengembelngkan aktiviti-aktiviti mereka. Keadaan ini juga akan dapat mengelakkan timbulnya salah faham dikalangan orang awam dan kerajaan negeri kerana sudah banyak badan dan yayasan seperti ini yang menjalankan aktiviti tersebut.

Jawatankuasa pertugas mendapati YPEIM kurang berkesan dalam menjalankan tugasnya kerana :

1. Terhadnya bidang aktivit yang dinyatakan dalam undang-undang yayasan.
2. Kekurangan sumber kewangan yang berkesan bagi menjayakar dan membiayai projeknya.

Berdasarkan kepada faktor-faktor diatas, Jawatankuasa pertugas telah meneliti semula perjalanan YPEIM dalam tiga sudut :

1. Mengkaji semula perlembagaan YPEIM yang sedia ada sesuai dengan pembangunannya.

2. Mengkaji dan menyusun semula keanggotaan pemegang amanahnya.

3. Mengsyorkan jentera pentadbiran yang lebih tersusun dan lengkap.

Berdasarkan kepada perkara-perkara diatas Jabatan Peguam Negara mendapati langkah yang paling sesuai untuk menyusun semula undang-undang tubuh YPEIM ialah dengan mengekalkan bentuk badan yang sedia ada dan membuat beberapa pengubahsuaian dan pindaan surat ikatan yayasan kepada surat ikatan yang baru.

Pada 20hb. Julai 1984, YPEIM telah dilancarkan sekali lagi dengan beberapa pindaan Perlembagaan bagi mengemasukan lagi sektor pentadbirannya. Bidang tugasnya juga diperluaskan dengan menjalankan fungsi-fungsi KWAJ yang telah dirancang penubuhannya.

Perlancaran tersebut telah dilakukan oleh Y.A.B Datuk Seri Dr. Mahathir bin Muhammad di Jabatan Menteri Kuala Lumpur. Yayasan baru ini berhasrat

untuk mengumpul sebanyak mungkin derma dan sumbangan terutamanya sumber-sumber dalam negeri untuk melaburkan semula atau membiayai kegiatan pendidikan, sosial dan kebajikan².

Y.A.B telah melantik sebuah Lembaga Amanah yang baru, mereka terdiri dari limabelas orang yang terdiri dari golongan ulama, ahli profesional dalam pengurusan dan pentadbiran, ketua-ketua Majlis Agama dan ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang berkenaan.

Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah telah melantik seorang pengarah sepenuh masa sebagai Ketua Eksekutif bagi menjalankan urusan pentadbiran YPEIM. Selain dari pengarah YPEIM dalam bentuk barunya mempunyai kakitangannya sendiri. (lihat Lampiran .)

Penyusunan semula pentadbiran YPEIM serta ahli pemegang amanah dijangka akan dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti YPEIM dengan lebih berkesan, berteraskan kepada pentadbiran kewangan dan pelaburan secara sofisticated serta profesional dalam lingkungan hukum-hukum Syarak.

2. Perdana Menteri Lancar Badan Ekonomi Islam, Berita Harian, 21hb. Julai, 1984.

2.2. MATLAMAT PENUBUHAN YPEIM.

Matlamat penubuhan YPEIM ialah untuk mengumpul sebanyak mungkin pemberian sumbangan amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak, khususnya dari punca-punca dalam negeri. Seterusnya YPEIM akan melaburkan sebahagian dari harta tersebut dan melaksanakan aktiviti amal jariah bagi meningkatkan teraf percapaian ekonomi umat Islam di Malaysia dengan cara yang berperancangan, kemas dan teratur.

Setiap aktiviti yang dijalankan oleh YPEIM adalah mengikut hukum syarak, dengan mengabungkan amal jariah, derma dan sedekah dengan amalan pelaburan dan pengurusan moden. Dalam kata lain, setiap sumbangan termasuk wang ringgit dan harta benda akan terus dibelanjakan bagi melaksanakan aktiviti amal jariah dan kebajikan, manakala sebahagiannya pula akan dilaburkan. Begitulah seterusnya sehingga ianya meningkat dari setahun kesetahun.

Dari kenyataan diatas, jelaslah bahawa YPEIM akan menjalankan kegiatan-kegiatannya dengan mengalirkan sumbangan yang diberikan kepadanya dengan

menjalankan aktiviti-aktiviti amal jariah dan kebajikan. Manakala sebahagiannya pula akan akan dilaburkan supaya pendapatanya akan bertambah dan dari keuntungan tersebut akan dialirkan kepada aktiviti-aktiviti yang serupa dengan kadar yang bertambah dari setahun kesetahun selagi YPEIM dapat melaksanakan aktiviti-aktivitinya dengan jaya dan berkesan.

2.3. FUNGSI-FUNGSI YPEIM.

Selaras dengan matlamat untuk mengumpul sebanyak mungkin pemberian amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak dan seterusnya menggunakan untuk kepentingan umat Islam, maka YPEIM telah merangkakan untuk melaksanakan fungsi-fungsinya seperti berikut³ :-

1. Menjalankan aktiviti bagi mengumpul sebanyak mungkin pemberian sumbangan amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak.
2. Menjalankan aktiviti-aktiviti pelaburan dengan menggunakan bahagian-bahagian tertentu dari wang dan
3. Risalah Penerangan YPEIM, Februari 1988.

harta terkumpul bagi tiap-tiap tahun dengan tujuan mengembangkan lagi harta tersebut.

3. menjalankan aktiviti bagi meninggikan syiar Islam serta amal jariah dan kebajikan dalam bidang-bidang pelajaran, sosial, ekonomi dan kebajikan umat Islam khususnya dengan menggunakan bahagian-bahagian tertentu dari harta terkumpul dan hasil yang diperolehi dari pelaburan pada tiap-tiap tahun.

2.4. STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN YPEIM.

YPEIM yang ditubuhkan pada tahun 1976, telah dilancarkan dengan beberapa pindaan dalam operasinya, kini terletak dibangunan Wisma KOSAS yang berhampiran dengan Masjid India. Alamatnya seperti berikut :

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
Tingkat 4, Wisma KOSAS,
Jalan Melayu, Beg Berkunci 11012,
50732, Kuala Lumpur.

Sebelum ini pejabatnya terletak di bangunan Pusat Islam yang lama berhampiran dengan Masjid Negara. Sehingga kini YPEIM belum mempunyai sebarang cawangan di mana-mana tempat di Malaysia.

Bagi menjalankan tugas-tugas harian, Ahli Lembaga Pemegang Amanah telah melantik seorang pengarah yang bertugas sebagai ketua Eksakutif bagi menjalankan tugas-tugas harian YPEIM. Disamping itu beliau dibantu oleh kakitangan YPEIM yang lain bagi melicinkan lagi kegiatannya. Umumnya kumpulan kakitangan dalam pentadbiran YPEIM adalah seperti berikut :

1. Kumpulan A : kakitangan peringkat pegawai tinggi.
2. Kumpulan B : Kakitangan peringkat pegawai.
3. Kumpulan C : kakitangan peringkat perkeranian.
4. Kumpulan D : kakitangan peringkat rendah.

Sehingga kini, dalam urusan pentadbiran YPEIM mempunyai sebelas kakitangan semuanya yang terdiri dari seorang pengarah dan seorang pegawai kanan bagi kumpulan A, sementara dua orang pegawai kerja bagi kumpulan B dan lima orang kerani atau juru taip untuk kumpulan C. Kumpulan D pula terdiri dari dua orang pelayan pejabat.

Manakala skim gaji bagi setiap kakitangan YPEIM adalah tidak mengikut skim gaji yang ditentukan oleh pehak kerajaan tetapi semuanya ditentu dan diuruskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik.

2.4.1. BIDANG TUGAS.

Bagi melicinkan urusan pentadbiran, YPEIM telah membahagikan kakitanganya kepada beberapa bidang tugas antaranya :

a. Jabatan Akuan dan Kewangan.

Jabatan ini ditadbirkan oleh seorang pegawai akaun yang bertanggungjawab dalam urusan-urusan mengenai akaun dan kira-kira, menyediakan lapuran kewangan YPEIM dan menyediakan belanjawan bagi pentadbiran YPEIM. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam menyelenggara Akaun Harian YPEIM, membut kawalan dalaman, membuat pembayaran dan penerimaan serta dalam urusan audit.

b. JABATAN PENTADBIRAN.

Jabatan ini tidak mempunyai pegawai yang khusus untuk mengendalikan urusan dibawahnya. Oleh itu ia digabungkan dengan jabatan Akuan dan Kewangan. Jabatan ini mengendalikan urusan musyuarat bagi Lembaga Pemegang Amanah dan kakitangan YPEIM. Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran pejabat, urusan kakitangan dan gaji, perhubungan awam dan publisiti serta penerangan. Disamping itu ia juga

bertanggungjawab dalam merancang skim-skim baru dan yang berkaitan dengan dokumentasi.

c. JABATAN PELABURAN DAN AMAL JARIAH.

Jabatan ini juga tidak mempunyai pegawai yang khusus. Jabatan ini bertanggungjawab dalam urusan untuk megenal pasti projek-projek yang akan dilaksanakan termasuklah projek amal jariah, pelaburan serta membuat perakuan kepada pihak Lembaga Pemegang Amanah.

2.4.2. BANTUAN BADAN LUAR.

Memandangkan YPEIM belum mempunyai sebarang cawanganya di Malaysia, maka bidang tugasnya adalah dibantu oleh badan-badan luar seperti Majlis atau Jabatan Agama Negeri, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, Biro Angkatan Angkasa, Badan-badan Kewangan, Syarikat-syarikat Swasta, Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan, Media massa dan sebagainya. Badan-badan ini bertanggungjawab dalam membuat urusan memungut derma, penagihan sumbangan dan menyampaikan maklumat YPEIM.

Menurut Pengarah YPEIM, En. Ismail bin Basri, buat masa sekarang pihak YPEIM belum perlu untuk menubuhkan cawangannya memandangkan pehaknya tidak mahu sebahagian dari wang sumbangan amal jariah akan hanya dicurahkan untuk urusan pentadbiran dan pengurusan YPEIM.

Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri telah memberi bantuan dalam menjalankan urusan memungut sumbangan dari orang ramai melalui masjid-masjid khususnya dalam bulan Ramadhan. Biro Angkatan Angkasa dan jabatan-jabatan Kerajaan serta Swasta telah membantu YPEIM dalam menguruskan potongan gaji kakitangan mereka dan seterusnya menghantar kepada YPEIM.

Disamping itu badan-badan kewangan seperti Pejabat Pos, Bank Islam Malaysia Berhad (RIMB) dan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji (LUTH) juga menjalankan kegiatan yang sama, khasnya melalui penjualan resit amal jariah. Dalam urusannya menyebarkan maklumat YPEIM telah mendapat bantuan dari pehak media massa termasuk dari wakil perhubungan jabatan, Radio dan Televisyen Malaysia

(RTM) dan akhbar dengan tujuan menarik orang ramai menghulurkan sumbangan amal jariah kepada YPEIM.⁴

2.5. SUMBER KEWANGAN DAN PERBELANJAAN YPEIM.

Di peringkat awal penubuhannya YPEIM telah mendapat peruntukan kewangan dari kerajaan sebanyak \$4 juta dan satu juta dari pertubuhan-pertubuhan Islam dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Sumbangan ini telah membantu YPEIM menjalankan aktiviti-aktivinya diperingkat awal.⁵ Dari modal terkumpul ini YPEIM telah melabur dalam Syarikat Perladangan Ketengah Jaya pada tahun 1978, dengan memperolehi saham sebanyak 4.6 unit sebanyak 30% daripada keseluruhan saham syarikat tersebut. Namun begitu ladang yang mempunyai keluasan sejumlah 4,000 ekar itu tidak dapat memberi sebarang hasil pulangan kepada YPEIM menyebabkan sahamnya terpaksa dijual kembali untuk melaksanakan projek lain.

YPEIM juga mendapat sumber kewangan dari hasil kutipan yang dibuat oleh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri menerusi Amil dengan menghubungi Dewan

⁴ "Resit-resit Amal Jariah dicetak Khas". Utusan Malaysia, 6hb. Ogos, 1985.

⁵ YPEIM kendali Kumpulan Wang Amal Jariah'. Berita Harian, 29hb. Mac, 1984.

Perniagaan Melayu Islam, Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Bumuputra dan juga pihak Akauntan Negara untuk menimbaangkan skim derma oleh pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan berkanun melalui skim potongan gaji bulanan mereka. Tetapi skim ini kurang mendapat sambutan⁶.

Bagi menambahkan lagi sumber keawangannya, YPEIM telah menu buhkan Tabung Yayasan bagi mengutip derma dari pehak-pehak yang kedudukan kewangan yang agak tinggi seperti sultan-sulatan, pembesar-penbesar negara, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan pehak orang perseorangan. Pada tahun 1980, YPEIM telah berjaya mengumpul pungutan sebanyak \$188,921,31.
(Lihat Lampiran)

Walaubagaimanapun pungutan ini masih diparas rendah sehingga banyak projek-projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan.

Untuk mempastikan pengutipan sumber kewangan dapat berjalan dengan lancar, YPEIM telah membentuk satu perancangan yang teliti. Umumnya sumber pendapatan YPEIM adalah seperti berikut :

6. Minit_Musyuarat_Lembaga_Pemegang_Amanah_YPEIM
Kuala Lumpur, 30hb. Disember, 1977.

a. Sumbangan melalui skim potongan gaji dikalangan kakitangan kerajaan, Swasta, skim resit amal jariah dan skim resit bulan Ramadhan. Ketiga-tiga skim ini merupakan saluran pungutan sumber kewangannya yang sangat penting. Sejak mula dilancarkan, ia telah mendapat sambutan menggalakkan dari masa kesemasa.

Jumlah besar sumbangan yang diterima melalui skim-skim tersebut dalam tahun kewangan 1987 adalah sebanyak \$2,721,831. berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak \$2,567,448 sahaja⁷.

b. Sumbangan di luar skim. Sumbangan ini adalah tertakluk kepada bantuan kerajaan dan orang perseorangan. sumbangan orang perseorangan boleh dihantar terus ke pejabat YPEIM melalui cek atau kiriman wang dan sebagainya.

c. Keuntungan melalui pelaburan dan dividen. Ini merupakan langkah jangka panjang bertujuan untuk mengembangkan lagi harta Amal Jariah YPEIM dan mendapatkan punca pendapatan yang berterusan.

7. Penyata Tahunan dan Akaun-akaun YPEIM, 1987.

Pada tahun kewangan 1987, YPEIM telah membuat pelaburan dengan Bank Islam Malaysia Berhad dan yang terbaru sekali, YPEIM telah memulakan satu bentuk pelaburan baru, iaitu dengan melantik Syarikat Al-Wakalah Nomonees Sdn. Bhd. untuk menjalankan pengurusan pelaburan porfolio dalam pasaran Saham Kuala Lumpur dengan peruntukan permulaan sebanyak \$1,000,000.

d. Pendapatan melalui sewa. YPEIM telah membeli beberapa unit rumah kedai dengan tujuan untuk disewakan sebagai satu cara untuk menambahkan hasil pendapatan. Antara rumah kedai yang disewakan oleh YPEIM ialah dua buah rumah kedai empat tingkat setengah yang terletak di Jalan Sultan Yahya Putra, di Kota Bharu, Kelantan. Bangunan itu telah disewa oleh Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Sdn. Bhd. dan sebuah Syarikat swasta.

Memandangkan berbagai sumber kewangan telah dapat dipungut oleh YPEIM, maka YPEIM telah dapat mengumpulkan sejumlah wang yang agak besar yang mampu untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya terutama dalam bidang amal jariah. Dengan saluran sumber-sumber yang ada kini, YPEIM tidak perlu bimbang

tentang sumber kewangannya di masa akan datang kerana ia sudah mampu untuk menampung perjalananya disamping meneruskan lagi aktiviti untuk menambahkan sumber-sumber yang ada.

2.6. BIDANG AKTIVITI DAN KEGIATAN YPEIM.

Pada umumnya aktiviti yang dijalankan oleh YPEIM adalah tidak lari dari ruang lingkup syariah Islam itu sendiri. Kegiatannya adalah ditumpukan untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial umat Islam ketahap yang memuaskan. Bidang kegiatannya boleh dibahagikan kepada tiga aspek yang utama. Iaitu : -

2.6.1. KEGIATAN PUNGUTAN SUMBANGAN AMAL JARIAH.

Usaha YPEIM ialah mengumpul sebanyak mungkin derma dan sumbangan dari semua pihak merupakan aktivitinya yang paling awal untuk membantu umat Islam, kerana disamping untuk mengumpul sebanyak mungkin wang untuk menjalankan aktivitinya juga merupakan satu bentuk dakwah yang dilakukan oleh YPEIM dalam rangka menggalakkan masyarakat

menjalankan amalan yang baik lagi disanjung oleh Islam.⁸

Untuk mengumpulkan sumbangan dan derma ini YPEIM telah menjalankan beberapa cara antaranya iaitu :-

a. Memunggut derma dan sumbangan wang ringgit, dari skim potongan gaji kakitangan kerajaan dan swasta secara sukarela. Skim ini telah dilancarkan oleh Y.B En. Anwar Ibrahim pada 8hb Januari 1985, di Blok komputer Jabatan Perdana Menteri. Skim ini dibuat dengan kadar sekurang-kurangnya \$1.00 sebulan daripada kakitangan kerajaan dan swasta yang beragama Islam.

Menurut Y.B En Anwar Ibrahim, skim ini akan menguntungkan perkembangan Islam di negara ini dan menunjukkan umat Islam di negara ini boleh berusaha sendiri dan tidak hanya mengharapkan bantuan dari pihak lain.⁹

Sumbangan melalui skim ini tidak akan menyusahkan penyumbang kerana perlaksanaannya boleh

8. Risalah YPEIM, Jadikan Sedekah-Jariah Amalan kita, Bilangan 8, Tahun 1989.

9. Skim Amal Jariah Untungkan Ummah Berita Harian, 8hb. Januari, 1985.

dibuat dibahagian gaji masing-masing. Bagi Kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan, kebanyakannya menyumbang melalui Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA), dan ada yang menyumbang terus kepada YPEIM, Resit penerimaan pula akan dikeluarkan oleh YPEIM atas nama institusi penyumbang berkenaan.

Bagi menjayakan skim ini YPEIM telah menjalankan beberapa langkah untuk memberi penerangan yang luas mengenainya. Ini termasuklah mengadakan taklimat kepada ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta majlis-majlis penerangan di beberapa kementerian dan syarikat swasta. YPEIM juga pernah mengadakan penerangan di Dewan Syarahan Masjid Negara, di Dewan Taklimat Pusat Islam dan juga memberi penerangan melalui media massa dan risalah penerangan yang dikeluarkan oleh YPEIM dari masa ke semasa.

Pada akhir 1987 bilangan kakitangan yang bersetuju memberi sumbangan melalui skim ini berjumlah 130,000 orang. dari jumlah ini 120,000 adalah dari sektor awam dan selebihnya dari sektor swasta. Jumlah sumbangan yang berjaya dipungut pada tahun itu ialah sebanyak \$2,452,888 berbanding dengan

tahun sebelumnya yang hanya berjumlah \$2,445,015.¹⁰

b. Memunggut derma dan sumbangan dari orang ramai melalui skim resit amal jariah. Skim ini telah dilancarkan pada 5hb. Ogos 1985, oleh Datuk Yaakub, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur. Skim ini merupakan projek kedua yang dijalankan oleh YPEIM dalam usahanya untuk mendapatkan sumber kewangan. Skim ini dapat memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat khususnya yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap agar turut sama menyumbang derma dan beramal jariah.

Perlu diingatkan disini bahawa YPEIM hanya menumpukan dalam bidang sedekah sahaja menakala dalam bidang Zakat tidak disentuh oleh YPEIM, kerana bidang tersebut adalah dibawah kuasa Majlis Agama.¹¹

Menerusi skim ini, penyumbang boleh menyumbang dengan mendapatkan resit-resit khas yang dicetak dengan nilai \$1.00, \$2.00, \$5.00 dan \$10.00 dari pejabat-pejabat Pos, Bank Islam, Pejabat Urusan dan tabung Haji pada bila-bila masa.¹²

10. Penyata Tahunan dan Akaun-akaun YPEIM, 1987.

11. Risalah YPEIM, Peranan YPEIM dalam Kegiatan Amal Jariah, Bil 6, Tahun 1988.

12. Resit-resit Amal Jariah Dicetak Khas, Utusan Malaysia, 6hb. Ogos, 1985.

Bagi mereka yang mendapat sesuatu nikmat seperti bonus, mendapat cahaya mata, lulus dalam peperekson, terlepas dari bencana dan sebagainya patut sekali melahirkan rasa syukur dengan memberi sedekah dan derma dengan menyumbangkanya kepada YPEIM melalui skim ini. YPEIM sebagai perantaraan atau wasilah akan pasti berusaha untuk memaksimakan sedekah jariah tersebut kepada bidang-bidang yang mempunyai nilai yang tinggi dalam Islam.

Skim ini sejak dilancarkan telah berjaya memunggut sebanyak \$17,592. Pada tahun 1986, jumlah pungutan telah meningkat dimana jumlah punggutannya ialah sebanyak \$47,045, manakala pada akhir tahun 1987, jumlah yang berjaya di punggut ialah sebanyak \$213,802.¹³ Ini menunjukkan dengan skim ini YPEIM telah berjaya menarik ramai umat Islam beramal jariah yang mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Allah.

c. Memunggut derma dan sumbangan amal jariah melalui skim sumbangan bulan Ramadhan. Skim ini telah dilancarkan pada bulan Ramadhan 1406 Hijrah yang merupakan salah satu strategi YPEIM untuk mendapatkan

13. Penyata Tahunan DAN Akaun-akaun YPEIM, 1987.

sumbangan dari orang perseorangan dan syarikat-syarikat. Pada bulan Ramadhan yang mempunyai kelebihan dan keberkatan, YPEIM telah melaksanakan skim ini dengan mengedarkan surat-surat rayuan kepada orang-orang perseorangan dan dermawan supaya mereka memberi sumbangan secara sekali gus seberapa ikhlas sepanjang bulan tersebut.

Sumbangan ini di pohon atas nama "tabung Kebajikan dan Pelajaran " yang mana penyumbang melalui skim ini akan dikecualikan dari cukai pendapatan seperti yang termaktub dalam seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.¹⁴

Usaha YPEIM melalui skim ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkkan dari orang ramai dimana dalam masa dua minggu dari perlancarannya, kira-kira dua ratus empat puluh orang telah bersetuju untuk memberi sumbangan dan derma melalui skim ini. Mereka ini terdiri dari orang perseorangan dengan nilai sumbangan bernilai diantara \$50.00 hingga \$100.00 seorang, jumlah yang dapat dipungut diawal perlancaranya ialah sebanyak \$29,332,00.

14. Sumbangan Amal Jiriah Sempena Bulan Ramadhan, Utusan Malaysia, 10hb. April, 1988.

Untuk menjayakan usaha-usaha ini YPEIM telah mendapat kerjasama dari pihak media massa seperti RTM, Berita Harian dan Utusan Malaysia dengan memberi penerangan mengenai skim ini.

2.6.2. KEGIATAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI.

Kegiatan pelaburan merupakan langkah jangka panjang bagi YPEIM, ianya bertujuan untuk mengembangkan lagi harta dari punggutan amal jariah dan untuk mendapatkan punca pendapatan yang berterusan disamping punggutan sumbangan orang ramai melalui skim-skim dalam kegiatan awalnya.

Umumnya pelaburan yang dijalankan oleh YPEIM adalah lebih mengutamakan pelaburan yang berasaskan kepada kreteria-kreteria yang mempunyai potensi pertumbuhan nilai dan dapat mengalirkan pendapatan yang berterusan dengan secepat mungkin. Bentuk pelaburan yang diceburi oleh YPEIM tertumpu kepada pembelian saham-saham dan bangunan. Sepanjang tahun kewangan 1987, YPEIM telah membuat pelaburan dengan Bank Islam Malaysia Berhad dan pembelian bangunan untuk disewakan.

Pelaburan dengan Bank Islam melalui akaun pelaburan pada 31hb. Dis 1987 adalah berjumlah \$6,500,000. Jumlah pelaburan ini telah meningkat dari tahun sebelumnya dengan mendapat pulangan yang memberangsangkan.¹⁵ Bagi menentukan perjalanan pelaburan ini berjalan dengan baik, YPEIM telah memulakan satu bentuk pelaburan baru iaitu dengan melantik Syarikat Al-Wakalah Nominees Sdn. Bhd. untuk menjalankan urusan pelaburan Portfolio dalam pasaran saham Kuala Lumpur (~~BSKL~~) dengan memperuntukan modal permulaan sebanyak \$1,000,000. Syarikat tersebut adalah sebuah anak syarikat Bank Islam Malaysia Berhad dan ia berperanan dalam membeli dan menjual saham-saham syarikat awam yang diluluskan oleh pehak Lembaga Pengawasan Syariah syarikat tersebut.¹⁶

Pembelian rumah untuk disewa juga merupakan salah satu cara YPEIM untuk mengembangkan lagi harta tersebut. Pada 1985, YPEIM telah membeli dua buah rumah kedai setinggi empat tingkat di jalan Sultan Yahya Putra, di bandar Kota Bharu, Kelantan. Pembelian tersebut di buat secara terus dari tuan

15. Penyata tahunan dan Akaun-akaun YPEIM, 1987.

16. Risalah Penerangan YPEIM, YPEIM_Melabur_melalui_Al-Wakalah, Bilangan 6, 1988.

punya bangunan tersebut dan telah menjadi milik tetap YPEIM. Pada masa sekarang kedai tersebut telah disewa oleh Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Wakaf Siku, Syarikat Takaful dan sebuah syarikat swasta. Penyewaan tersebut dijangka akan mendapat hasil sebanyak \$110,000 setahun.

Pada tahun 1986 pula, YPEIM telah membeli dua unit rumah kedai di Bandar Baru Bangi, Selangor dengan harga 4402,076 dan dua unit rumah kedai empat tongkat di Sungai Petani, Kedah dengan harga \$980,000, bangunan tersebut telah disewakan kepada Bank Islam Malaysia Berhad untuk pejabat cawangannya dan sebuah syarikat Bumiputra. Adalah dijangkakan YPEIM akan memperolehi sebanyak \$60,000 hasil sewa setahun. YPEIM juga telah membeli dua unit rumah kedai di parit Buntar, Perak dengan harga \$485,00 dan sebuah rumah kedai empat tingkat di Kelang, Selangor dengan harga \$361,000, bangunan-bangunan itu kepada penyewa termasuk Bank Islam untuk pejabat cawangannya.¹⁷

17. Penyata tahunan dan Akaun-akaun YPEIM, 1987.

2.6.3. KEGIATAN AMAL JARIAH.

Matlamat utama YPEIM adalah untuk melaksanakan kegiatan amal jariah secara menyeluruh dan meluas. Tahap kegiatan ini adalah sangat bergantung kepada aliran pendapatan yang diperolehi dari skim-skim pungutan derma orang ramai dan dari keuntungan pelaburan YPEIM.

'Adalah menjadi polisi YPEIM bahawa bentuk bantuan amal jariah dan kebijakan yang diberi hendaklah seboleh-bolehnya dapat memberi manfaat umum yang meluas dan dapat dinikmati oleh golongan ramai di seluruh negara. Untuk mendapatkan penjelasan yang ditil dalam bahagian ini, silalah merujuk kepada bab keempat yang merupakan kajian utama bagi penulis.